

**TEKS UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL
EHWAL PENGGUNA**

**PROGRAM ADVOKASI STANDARD KESELAMATAN BARANGAN
PENGGUNA ANJURAN**

**BAHAGIAN STANDARD KEPENGGUNAAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

3 APRIL 2021 (SABTU)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad
Ketua Setiausaha KPDNHEP,

YBhg. Datuk Wira Ar. Ismail Othman
Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwai
Pengguna Negeri Melaka,

Yang Berusaha Tuan Mohamed Zahari Razali
Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDNHEP,

Yang Berusaha Encik Rahmat bin Wadio
Pengarah Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP,

Yang Berusaha Puan Norena binti Jaafar
Pengarah KPDNHEP Melaka,

Pegawai-Pegawai KPDNHEP, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat bertemu dalam majlis pada hari ini. Saya difahamkan bahawa Program Advokasi Standard Keselamatan Barangan Pengguna pada hari ini merupakan program advokasi pertama bagi tahun ini yang diterajui oleh Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK), KPDNHEP dan diadakan dengan kerjasama KPDNHEP Melaka.

2. Sebagai Kementerian yang komited dalam usaha menjaga kepentingan pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan perlindungan pengguna khususnya dalam aspek keselamatan barangan pengguna. Salah satu peranan dan tanggungjawab KPDNHEP adalah untuk mengkaji, merangka dan membangunkan perundangan berhubung standard keselamatan barangan pengguna selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 2011 bagi memastikan perlindungan pengguna yang menyeluruh mengikut keutamaan dan keperluan semasa. Peranan ini dimainkan oleh Bahagian Standard Kepenggunaan.

3. Selain itu, KPDNHEP juga bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan barangan dan budaya standard di kalangan pengguna. Sehubungan itu, tujuan utama program advokasi ini diadakan adalah untuk meningkatkan dan memantapkan kefahaman dan kesedaran peserta berhubung peraturan standard keselamatan barangan di bawah bidang kuasa KPDNHEP.

4. Isu-isu keselamatan barangan pengguna terutamanya bagi barangan yang berisiko tinggi merupakan agenda penting yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Tambahan pula dengan keadaan semasa negara yang dibanjiri dengan lambakan pelbagai barangan daripada luar negara. Walaupun fenomena ini dilihat memberi faedah kepada pengguna daripada segi kepelbagaian pilihan dan harga yang ditawarkan, namun demikian bukan semua barangan yang memasuki pasaran Malaysia ini mempunyai standard keselamatan dan kualiti sebagaimana yang diharapkan oleh pengguna.

5. Lambakan barangan sub-standard yang diragui tahap keselamatannya merupakan satu ancaman yang membimbangkan terhadap para pengguna di Negara kita yang tidak berupaya untuk membuat pilihan yang baik disebabkan batas pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Akibatnya pengguna seringkali tertipu dalam pembelian barangan yang disangka mempunyai standard keselamatan dan kualiti yang tinggi. Sehubungan itu, adalah penting bagi pengguna untuk membuat pilihan yang bijak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Untuk makluman, KPDNHEP telah memperkenalkan peraturan berhubung standard keselamatan mainan kanak-kanak sejak tahun 2010, diikuti peraturan berhubung standard keselamatan bateri primer pada tahun 2013. Peraturan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 tersebut digubal bagi memastikan kedua-dua barangan tersebut yang dikilangkan, diimport dan dijual ke pasaran Malaysia selamat untuk digunakan. Melalui peraturan ini, mainan kanak-kanak dan bateri primer (bateri yang tidak boleh dicas semula) yang dibekalkan ke pasaran

Malaysia perlu mematuhi standard keselamatan yang telah ditetapkan dan mempunyai penandaan *Malaysian Conformity* (MC). Tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh Kementerian sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan oleh pengilang, pengimport, pembekal, pengedar dan peruncit.

7. Di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 pula, peraturan berhubung penandaan bagi tayar pneumatik (tayar yang boleh diisi angin) dan topi keledar motosikal diperkenalkan pada tahun 2012. Penandaan yang dimaksudkan adalah logo SIRIM atau tanda E yang merupakan indikasi pematuhan terhadap standard keselamatan yang ditetapkan bagi barangan tersebut. Peraturan penandaan komponen automotif diperluaskan lagi melalui peraturan penandaan bagi pelapik brek gantian yang telah dikuatkuasakan pada 2015 dan seterusnya diikuti dengan peraturan penandaan bagi kaca keselamatan kenderaan bermotor yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2018.

8. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, yang terkini Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP sedang giat membangunkan perintah berkenaan pematuhan standard pelitup muka untuk kegunaan awam dan peranti rokok elektronik yang dijangka akan diwartakan pada hujung tahun ini dalam usaha untuk terus mengukuhkan tahap keselamatan dan perlindungan pengguna. Penambahbaikan dasar dan peraturan perlindungan pengguna sedang dilaksanakan berterusan bagi memastikan tahap perlindungan pengguna dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. KPDNHEP sedang mengkaji dan merangka untuk memastikan lebih banyak lagi barangan pengguna terutamanya yang berisiko tinggi seperti bateri sekunder, barangan bayi dan kanak-kanak, alat ganti kenderaan serta barangan sukan dan rekreasi dan sebagainya

dapat dipastikan tahap keselamatannya sebelum dipasarkan kepada pengguna Malaysia.

9. Pada masa yang sama, peraturan standard keselamatan ini perlu disambut positif oleh pihak industri kerana pematuhan terhadap standard keselamatan ini juga dapat memberi kelebihan kepada pengeluar dan pengedar untuk memasarkan produk sehingga ke peringkat antarabangsa serta diyakini oleh pengguna. Pihak industri perlu sentiasa bersaing dalam usaha memasarkan produk yang lebih berkualiti bagi menarik pembeli mendapatkan produk mereka. Kedua-dua pihak mempunyai faktor tarikan antara satu sama lain dan di pihak kerajaan kita menitik beratkan kepentingan pengguna dan dalam masa yang sama menggalakkan industri berkembang bagi menjana ekonomi negara. Saya melihat dengan adanya peraturan ini, Kerajaan dapat membendung Malaysia daripada menjadi pusat lambakan barangan yang tidak berkualiti kepada pengguna.

10. Kementerian menyedari bahawa program advokasi dan kempen ini perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan lebih ramai pengguna mengetahui dan sedar mengenai peranan KPDNHEP dalam aspek keselamatan barangan pengguna ini. KPDNHEP juga akan terus mengadakan pelbagai program advokasi bersama-sama agensi kerajaan dan Persatuan Pengguna melalui media arus perdana, media sosial dan digital bagi meningkatkan tahap kesedaran pengguna di negara ini seiring dengan negara maju yang lain. KPDNHEP juga mempunyai satu portal atas talian khusus mengenai keselamatan barangan pengguna iaitu Portal MySAFE. Pengguna boleh melayari portal ini bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang keselamatan barangan pengguna, penarikan balik barangan pengguna dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pendayaupayaan pengguna supaya dapat memilih barang yang selamat dan mengurangkan risiko terhadap kejadian kecederaan atau kemalangan. Langkah ini juga adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pembelian barangan yang selamat dan berkualiti oleh pengguna. Kesedaran pengguna merupakan aspek penting bagi memastikan pengguna mampu membuat pilihan dengan bijak dalam pembelian barangan supaya ianya tidak mendatangkan kemudaratan kepada pengguna. Kita sebagai pengguna tidak harus mudah terpengaruh dengan tawaran barangan pada harga yang terlalu murah kerana dikhuatiri tiada jaminan daripada aspek keselamatan dan kualitinya.

12. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke program advokasi pada hari ini. Semoga semua pihak dapat memanfaatkan program pada hari ini untuk kepentingan bersama iaitu ke arah memastikan keselamatan dan perlindungan pengguna.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program Advokasi Standard Keselamatan Barangan Pengguna anjuran Bahagian Standard Kepenggunaan KPDNHEP dengan kerjasama KPDNHEP Negeri Melaka pada hari ini.

Assalamualaikum warahatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.